

08/12/1997

60 peratus sah sertai Lima '99

im Yusoff

LANGKAWI, Ahad - Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima) kali ini dianggap mencapai kejayaan besar dengan 60 peratus pemamer mengesahkan penyertaan dalam Lima 99, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil menyifatkan bilangan perjanjian yang dimeterai sepanjang pameran itu memberangsangkan, Perdana Menteri berkata 21,000 pelawat korporat mengunjungi Lima 97 sejak ia bermula Selasa lalu.

Menurutnya, segmen maritim dalam Lima kali ini lebih besar dan menarik walaupun pelbagai pihak meramalkan kemerosotan berikutan masalah ekonomi yang dihadapi negara.

"Saya rasa ia amat berjaya. Lima tidak ada kena mengena dengan situasi ekonomi, ia adalah pertunjukan udara dan maritim.

"Mereka yang datang untuk menyertainya (dari luar negara) tidak mengalami kesan kejatuhan nilai mata wang," katanya pada sidang akhbar sempena penutup Lima 97.

Turut hadir Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Pengerusi Le Proton Lima, Datuk Radzi Manan.

Dr Mahathir menegaskan, antara kejayaan yang ketara ialah peningkatan projek usaha sama di antara syarikat asing dan tempatan dalam pengeluaran komponen pesawat dan kapal, menerusi penganjuran pameran itu sejak 1991.

Menurut beliau, kebanyakan perjanjian dalam pameran kali ini adalah berkaitan dengan usaha sama, pemindahan teknologi dan pembabitan syarikat Malaysia dalam industri aeroangkasa dan maritim.

Perdana Menteri berkata, usaha untuk mempertingkatkan prestasi Lima di masa depan akan terus dijalankan dengan matlamat mewujudkan pameran lebih besar dengan peningkatan jumlah penyertaan.

Selain itu, ada juga yang meminta supaya tempoh pameran dilanjutkan walaupun Lima kali ini sudah dilanjutkan selama sehari.

"Saya tidak yakin kita boleh melanjutkan tempohnya tetapi kita akan memikirkannya," katanya.

Ditanya sama ada Lima mungkin dipindahkan ke lokasi lain di negara ini, Dr Mahathir menegaskan Langkawi akan kekal sebagai tapak pameran Lima untuk selama-lamanya.

"Lima bermula dengan L, dan L ialah untuk Langkawi dan bukan nama tempat lain...Langkawi," katanya secara sinis.

Mengenai pertunjukan akrobatik, Perdana Menteri berkata ia adalah menghiburkan dan menjadi tarikan utama kepada Lima selain membuktikan keupayaan pesawat.

"Pasukan Red Arrows menggunakan pesawat lama dan saya rasa mereka cuba membuktikan bahawa pesawat mereka tahan lama," katanya.

(END)